

D234

R B897 BAH
MAHATHIR - DAP

PULAU PINANG, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP) BUKAN SEBUAH PARTI YANG DEMOKRATIK.

PERDANA MENTERI BERKATA, STRUKTUR ORGANISASI DAP MEMBUKTIKAN KEADAAN ITU APABILA SETIAUSAHA AGUNGNYA LEBIH BERKUASA DARIPADA PENERUSNYA.

DAP SEBENARNYA PARTI YANG TELAH LAMA MENJADI MILIK SETIAUSANA AGUNGNYA, ENCIK LIM KIT SIANG, KERANA PEMIMPIN LAINNYA TIDAK MEMPUNYAI KUASA PEMUTUS, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN BALAI RAKYAT JALAN PATANI DI SINI.

BELIAU MENYIFATKAN TINDAKAN ENCIK LIM MENCABAR KETUA MENTERI PULAU PINANG DR LIM CHONG EU DALAM KAWASAN DEWAN UNDANG NEGERI PADANG KOTA PADA PILIHAN RAYA UMUM INI SEBAGAI TIDAK WAJAR.

TINDAKAN ENCIK LIM ITU MENUNJUKKAN BELIAU SEDIKITPUN TIDAK MENGHORMATI DR LIM YANG TELAH LEBIH 20 TAHUN MENJADI WAKIL RAKYAT KAWASAN ITU.

SELARAS DENGAN ITU JUGA, BELIAU MENGGESA RAKYAT PULAU PINANG AGAR MENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) PADA PILIHAN RAYA INI DAN MENOLAK DAP YANG TIDAK PERNAH MEMBUKTIKAN APA-APA KEJAYAAN KEPADA NEGARA DAN RAKYAT. -- LAGI.

1154MST 19 10 90

D255

R B898 BAH
MAHATHIR - DAP 2 PULAU PINANG

DENGAN BERTANDING MEREbut KERUSI PADANG KOTA, BELIAU BERKATA ENCIK LIM SEBENARNYA MENGUGUT PENGUNDI DAN SENGAJA MAHU MENYUSAHKAN ORANG PULAU PINANG.

BELIAU BERKATA RAKYAT SEBENARNYA PERLU MEMIKIRKAN SAMA ADA MAHU HANYA MELIHAT SANDIWARA DAP DI DEWAN UNDANGAN NEGERI ATAU MEMILIH DR LIM YANG TELAH BANYAK BERJASA DI NEGERI INI.

PERDANA MENTERI JUGA KESAL DENGAN SIKAP SESETENGAH PENDUDUK BANDAR YANG BERFIKIRAN KONONNYA SOKONGAN PERLU DIBERIKAN KEPADA PEMBANGKANG DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR.

BELIAU BERKATA SESETENGAH PENDUDUK BANDAR MENGATAKAN BAGI KAWASAN BANDAR, PERLU DIPILIH PARTI PEMBANGKANG KONONNYA UNTUK MEMBUAT BISING SEMASA PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI ATAU PARLIMEN. -- BERNAMA.

1155MST 19 10 90